

## **ISU DAN CABARAN BADAN PENSIJILAN HALAL DI MALAYSIA**

### **The Issues and Challenges of Halal Certification Bodies in Malaysia**

**Ahmad Hidayat Buang<sup>1</sup>  
Zulzaidi Mahmud<sup>2</sup>**

#### **ABSTRACT**

*Public confidence concerning the permissibility of a particular product or whether it is halal, particularly for Muslims, is secured through the display or label confirming halal certification issued by an authorized or recognized organization. To the producers, halal certification can be considered as a marketing tool. In Malaysia, several regulations have been put in place relating to halal certification or labelling. The main complaint pertaining to halal certification in Malaysia concerns the existence of several halal certification bodies, which has created confusion among the Muslim consumers. The aim of this article is to analyse the reasons for this confusion and to offer some practical solutions*

---

<sup>1</sup> Professor, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, ahidayat@um.edu.my.

<sup>2</sup> Master Candidate, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

*from the legal point of view. Data are collected through library research and interviews with relevant government officials. Descriptive and content analysis of the reading materials and relevant law statutes is used in the discussion. The findings from the analysis of the data collected suggest that the existing legal provisions, especially Trade Description Rules 1972, are not equipped to deal with the current issues and challenges of halal certification, especially concerning the control over halal certification bodies that offer the service of halal certification to the public. This article, to a limited extent, attempts to highlight several important developments, especially the introduction of the new Trade Descriptions Act 2011, which was not available at the time this article was written.*

**Keywords:** *Halal food, halal certification, food regulation, Islamic dietary.*

## PENDAHULUAN

Pasaran produk halal di peringkat global semakin menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan selari dengan meningkatnya jumlah umat Islam di dunia, iaitu sebanyak 1.83 billion pada tahun 2009.<sup>3</sup> Dengan meningkatnya jumlah umat Islam ini, akan menyebabkan juga peningkatan permintaan terhadap produk makanan, kosmetik, perubatan dan bahan gunaan yang halal.<sup>4</sup> Berasaskan kepada potensi ekonomi yang menguntungkan ini kerajaan Malaysia telah mula mengorak langkah untuk menjadi Malaysia sebagai hab halal dunia.<sup>5</sup> Perkara ini boleh dilakukan kerana Malaysia adalah sebuah negara Islam yang dihormati di dunia<sup>6</sup> sama ada di peringkat OIC<sup>7</sup> dan negara-negara ASEAN.

---

<sup>3</sup> Jumaatun Azmi (ed.), 'Winds of Change: Food Market Trend and the Muslim Market of Europe', *The Halal Journal*, (2009), 19.

<sup>4</sup> Mian Riaz, 'Halal Food Production for the Cereal Industry and the Halal Certification Process', *Cereal Foods World*, 52/4 (2001), 192-195.

<sup>5</sup> Azah Anir Norman, Mohd Hairul Nizam Md. Nasir, Shukur Sanim Mohd Fauzi & Masliyana Azmi, 'Consumer Acceptance of RFID-Enabled Services in Validating Halal Status', unpublished paper presented at the 9th International Symposium on Communications and Information Technology 2009, ISCIT, 2009.

<sup>6</sup> Lokman Ab. Rahman, *Isu Halal Tiada Penghujung* (Melaka: Alambaca Sdn. Bhd., 2009), 106.

<sup>7</sup> Lokman Ab. Rahman, *Isu Halal Tiada Penghujung*, 114.

Beberapa langkah telah diambil untuk mempromosi Malaysia sebagai hab halal global antaranya dengan penganjuran Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS), pembangunan Taman Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAP)<sup>8</sup> dan mewujudkan hab halal di peringkat negeri seperti di Labuan,<sup>9</sup> Serkam, Melaka<sup>10</sup> dan Tanjung Manis Sarawak.<sup>11</sup> Dalam hal ini, pensijilan halal adalah satu langkah untuk memperkembangkan pasaran produk halal untuk membantu pengguna mendapatkan produk yang halal, selamat dan berkualiti. Sijil halal Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM merupakan satu logo halal yang sangat dipercayai di peringkat antarabangsa.

Di Malaysia, peruntukan perundangan, dasar dan piawaian yang digariskan dalam persoalan halal adalah berasaskan kepada prinsip dan konsep halal yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta mengikut pandangan ulama-ulama Islam yang muktabar. Istilah *ḥalāl* berasal daripada perkataan Arab yang bererti “sesuatu yang dibolehkan atau dibenarkan oleh al-Quran dan al-Sunnah”, manakala *ḥarām* pula bermaksud “perkara yang dilarang dan ditegah juga menurut al-Quran dan Sunnah”.<sup>12</sup> Di antara halal dan haram terdapat satu lagi hukum yang dinamakan *syubḥah* yang bermaksud perkara yang kurang diyakini (*doubtful or suspect*)<sup>13</sup> kerana tidak diketahui sama ada halal atau haram.<sup>14</sup> Konsep halal ini bukan sahaja terpakai kepada produk makanan, namun merangkumi juga produk kesihatan, kosmetik, farmaseutikal, perkhidmatan

<sup>8</sup> ‘MIHAP Holding, NIML Materai Hab Halal’, *Utusan Malaysia*, 12 Disember 2007.

<sup>9</sup> ‘Hab Pengedaran Halal Labuan’, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2009.

<sup>10</sup> ‘Syarikat Industri Halal Dipelawa ke Serkam’, *Utusan Malaysia*, 20 Mei 2009.

<sup>11</sup> ‘Hab Halal Tanjung Manis’, *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2009.

<sup>12</sup> Yusuf al-Qaradawi, *The Lawful and The Prohibited in Islam*. (terj. Kamal El-Helbawy, M. Moinuddin Siddiqui, Syed Shukry; Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 1995), 10. Lihat juga perbincangan secara teoritikal dalam Wan Melissa Wan Hassan & Khairil Wahidin Awang, ‘Conceptualizations on The Dimensions for Halal Orientation for Food Manufacturers: A Study in the Context of Malaysia’, *Int. Journal of Economics and Management*, 3/2 (2009), 389; Karijn Bonne & Wim Verbeke, ‘Religious Values Informing Halal Meat Production and The Control and Delivery of Halal Credence Quality’, *Agriculture and Human Values*, 25/1 (2008), 35-47.

<sup>13</sup> Tahire O. Kocturk, ‘Food Rules in the Koran’, *Scandinavian Journal of Nutrition*, 46/3 (2002), 138.

<sup>14</sup> Ahmad H. Sakr, *A Muslim Guide to Food Ingredients* (Lombard, Illinois: Foundation For Islamic Knowledge, 1997), 24.

dan sebagainya. Sungguhpun demikian produk makanan terutama daging masih menjadi perkara penting dalam persoalan halal dan haram.<sup>15</sup>

Memandangkan kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal antarabangsa, beberapa piawaian halal, prosedur dan insentif telah diperkenalkan bagi membantu pihak industri mematuhi garis panduan halal secara menyeluruh.<sup>16</sup> Dalam hubungan ini pihak JAKIM telah mengeluarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (*Manual Procedure of Halal Certification Malaysia*) yang merangkumi permohonan pensijilan, pemantauan dan penguatkuasaan pensijilan halal.<sup>17</sup> Begitu juga beberapa piawaian telah diperkenalkan, antaranya *MS 1500:2009 Halal Food-Production, Preparation, Handling and Storage-General Guidelines (Second Revision)*, *MS 2200-1:2008 Islamic Consumer Goods-Part 1: Cosmetic and Personal Care-General Guidelines*, *MS 2400-1:2010 Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline-Part 1: Management System Requirements for Transportation of Goods and/or Cargo Chain Services*, dan *MS 2400-2:2010 Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline-Part 1: Management System Requirements for Warehousing and Related Activities*. Kewujudan prosedur dan piawaian ini akan menggalakkan lagi perkembangan industri halal di Malaysia secara lebih bersepadu, bersistematik serta teratur.<sup>18</sup>

## **PENSIJILAN HALAL DI MALAYSIA**

Pensijilan halal ialah dokumen yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti atau badan Islam yang mengesahkan sesuatu produk itu mengikut garis panduan halal haram dalam Islam (*Islamic Dietary Guideline*) yang telah ditetapkan<sup>19</sup> terutamanya untuk memastikan tiada perkara haram seperti daging babi berada dalam kandungan produk tersebut.<sup>20</sup> Secara

---

<sup>15</sup> Chandrika Murugaiah et al., 'Meat Species Identification and Halal Authentication Analysis Using Mitochondrial DNA', *Meat Science*, 83 (2009), 57–61.

<sup>16</sup> MOSTI, 'Standards & Accreditation News', 23 (2009), 2.

<sup>17</sup> Zunirah Talib, Suhaiza Zailani & Yusserie Zainuddin, 'Conceptualizations on the Dimensions for Halal Orientation for Food Manufacturers: A Study in the Context of Malaysia', *Pakistan Journal of Social Science*, 7/2 (2010), 57.

<sup>18</sup> Johan Fisher, 'Religion, Science and Market-Modern Halal Production, Trade and Consumption', *EMBO REPORTS*, 9/9 (2008), 829

<sup>19</sup> Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaundry, *Halal Food Production* (New York: CRC Press, 2004), 164; Mian Riaz, 'Halal Food Production for the Cereal Industry and the Halal Certification Process', 193.

<sup>20</sup> Y.B. Che Man, A.A. Aida, A.R. Raha & R. Son, 'Identification of Pork Derivatives in Food Products by Species-Specific Polymerase Chain Reaction (PCR) for Halal Verification', *Food Control*, 18/7 (2007), 885–889.

umumnya daripada segi keperluan pengesahan pensijilan halal ini pihak yang memohon (terutamanya pengusaha atau pemilik restoran) dikehendaki mengikuti dan mematuhi segala piawaian dan arahan yang ditetapkan baik secara perundangan atau manual pemprosesan pensijilan halal. Badan utama yang mengeluarkan pensijilan halal di Malaysia adalah JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Selain itu, terdapat juga badan-badan bukan kerajaan yang mengeluarkan sijil halal seperti *IFANCA USA*, *IFANCA Canada*, *Japan Muslim Association (JMA)*, *Islamic Food Research Centre Asia IFRC (Asia) Hong Kong* dan *Kuala Lumpur*. Badan-badan ini bergabung di bawah pertubuhan antarabangsa *World Halal Council (WHC)*.<sup>21</sup>

Di samping itu terdapat juga badan Islam dari setiap negara seperti *Australian Halal Food Services (AHFS)*, *Islamic Centre of The Argentine Republic (Centro Islamico de La Republica Argentina)* dan sebagainya yang mengeluarkan sijil halal. Permohonan pensijilan halal pada kebiasaannya di kebanyakan negara adalah bersifat sukarela dan bukannya sesuatu yang mandatori kepada pihak industri.<sup>22</sup>

Perakuan halal dikeluarkan kepada produk makanan, minuman, barang gunaan Islam, ubat-ubatan dan pusat penyembelihan.

Di Malaysia, pensijilan halal bermaksud Sijil Pengesahan Halal (SPH) yang dikeluarkan oleh badan-badan yang berautoriti seperti JAKIM dan JAIN yang merupakan badan tunggal pensijilan halal Malaysia<sup>23</sup> yang diiktiraf<sup>24</sup> oleh kerajaan. Pada masa dahulu terdapat juga beberapa badan swasta yang mengeluarkan pensijilan halal seperti Syarikat Bahtera Lagenda Sdn. Bhd bagi sijil (IFRC), *SAS-H Consultancy*, *Perak Religious Officer Association*, *Halal Food Council S.E.A* dan *IFANCA International*. Memandangkan permohonan SPH di Malaysia adalah bersifat sukarela, undang-undang tidak melarang badan-badan ini menawarkan perkhidmatan pensijilan halal kepada umum. Namun begitu dengan pengenalan Akta Perihal Dagangan 2011 yang turut memperkenalkan dua perundangan subsidiari mengenai sijil dan logo halal, hanya badan yang diiktiraf sahaja iaitu JAKIM dan Majlis Agama Islam

---

<sup>21</sup> 'Halal Food Authority', <http://www.halalfoodauthority.co.uk/halal-WHC.html>, 25 Februari 2010.

<sup>22</sup> 'Not Compulsory to Apply for Halal Cert and Logo', *New Straits Times*, 3 July 2012.

<sup>23</sup> Puziah Hashim et al., 'A Cosmetic Analysis in Compliance With The Legislative Requirement, Halal and Quality Control', *Malaysian Journal of Chemistry*, 11 (2009), 81- 87.

<sup>24</sup> Halal Industry Development Corporation, *Buku Panduan Halal Panduan Untuk Pengeluar Makanan* (Selangor: HDC, 2010), 32.

Negeri (MAIN) dibenarkan untuk memperaku dan mengeluarkan sijil halal.<sup>25</sup> Rajah 1 di bawah menunjukkan beberapa bentuk logo halal yang ditawarkan oleh pelbagai badan di Malaysia.

Rajah 1: Contoh Logo Halal di Malaysia



Pensijilan halal yang diperolehi ini membolehkan penggunaan logo halal pihak berautoriti tersebut dipaparkan di atas produk atau di premis pemohon. Penggunaan logo halal hanya dibenarkan kepada pemohon yang telah mendapat pensijilan halal daripada badan-badan tersebut sahaja.<sup>26</sup> Pensijilan halal ini berasaskan Hukum Syarak dan tujuan utamanya adalah untuk memberi keyakinan kepada pengguna Islam mengenai status halal sesuatu produk baik berupa makanan atau lain-lainnya. Pensijilan halal juga untuk memenuhi budaya pengguna yang mahukan produk yang memberi kesan kesihatan,<sup>27</sup> selamat dan berkualiti. Selain itu ianya sebagai satu nilai komersial perdagangan iaitu “marketing tools”<sup>28</sup> untuk meraih pasaran dalam dan luar negara kerana permintaan ke atas produk-produk halal<sup>29</sup> meningkat seiring dengan peningkatan pengguna Islam di dunia. Logo halal juga memainkan peranan penting untuk memastikan bahawa kualiti halal terjamin.<sup>30</sup>

<sup>25</sup> Kedua-kedua perundangan itu ialah Perintah Dagangan (Takrifan) Halal 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penamaan Halal Bagi Makanan dan Barangan) 2011. Kedua-dua perundangan ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2012. Lihat [http://www.kpdnkk.gov.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=e5a962e3-ec1e-4ab0-a159-949b2b535b7d&groupId=10137](http://www.kpdnkk.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=e5a962e3-ec1e-4ab0-a159-949b2b535b7d&groupId=10137), 21 September 2012.

<sup>26</sup> Muhammad Munir Chaudry et al., *Halal Industrial Production Standards* (Illinois: J&M Food Products Company Illinois, 2000), 15.

<sup>27</sup> William D. Perreault, Jr. & E. Jerome McCarthy, *Basic Marketing: A Global-Managerial Approach* (New York: McGraw-Hill, 2005), 154.


<sup>28</sup> Lokman Ab. Rahman, *Isu Halal Tiada Penghujung*, 126.

<sup>29</sup> Karijn Bonne et al., ‘Determinants of Halal Meat Consumption in France’, *British Food Journal*, 109/4-9 (2007), 367-386.

<sup>30</sup> Karijn Bonne & Wim Verbeke, ‘Muslim Consumer Trust in Halal Meat Status and Control in Belgium’, *Meat Science*, 79/1 (2008), 113-123.

Pengeluaran pensijilan halal tertakluk kepada garis panduan dan piawaian yang telah ditetapkan<sup>31</sup> oleh badan pengeluar sijil seperti JAKIM dan JAIN. Pengusaha yang mahu mendapatkan pensijilan halal mesti mematuhi piawaian asas yang ditetapkan oleh pihak di atas. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan berhubung dengan piawaian ini, proses permohonan pensijilan halal yang dipohon akan tergendala manakala pensijilan halal yang telah diperolehi boleh ditarik balik. Pensijilan halal juga merujuk kepada proses produk yang dipohon dari sudut pengurusan, penyembelihan, kebersihan, kawalan kualiti,<sup>32</sup> penyimpanan, penghantaran dan sebagainya berdasarkan kepada Hukum Syarak dan garis panduan yang ditetapkan bermula seawal proses dari ladang hinggalah ke meja makan “*from farm to table*”<sup>33</sup> atau “*from breeding to retailing*”<sup>34</sup>. Proses pensijilan ini adalah untuk melihat rantai proses sesuatu produk untuk mengenalpasti sumber produk sehinggalah penjualan produk kepada pengguna.

Rajah 2: Carta Aliran Proses Pensijilan Halal



Sumber: Diolah daripada *Halal Industry Development Corporation*<sup>35</sup>

<sup>31</sup> Johan Fisher, ‘Religion, Science and Market-Modern Halal Production, Trade and Consumption’, 828-831.

<sup>32</sup> Hayati @ Habibah Abdul Talib, Khairul Anuar Mohd Ali & Khairur Rijal Jamaludin, ‘Quality Assurance in Halal Food Manufacturing in Malaysia: A Preliminary Study’, *Proceedings of International Conference on Mechanical & Manufacturing Engineering (ICME2008)*, 21– 23 May 2008, 3.

<sup>33</sup> Temubual bersama Mohd Amri Abdullah, Penolong Pengarah Hab Halal JAKIM, 13 Ogos 2010.

<sup>34</sup> Karijin Bonne & Wim Verbeke, ‘Religious Values Informing Halal Meat Production and The Control and Delivery of Halal Credence Quality’, 43

<sup>35</sup> Halal Industry Development Corporation, *Buku Panduan Halal Panduan Untuk Pengeluar Makanan*, 16.



Bagi produk yang ingin dipasarkan di peringkat nasional dan antarabangsa, permohonan dibuat kepada JAKIM dan sekiranya dipasarkan dalam negara sahaja maka permohonan boleh juga dibuat kepada JAIN.<sup>36</sup> Jika sesuatu produk itu dikilangkan di luar Malaysia untuk dipasarkan di Malaysia seperti barangan import, pihak pengusaha tersebut hendaklah menggunakan pensijilan dan logo halal oleh badan-badan Islam yang telah diiktiraf oleh JAKIM.<sup>37</sup> Sehingga 27 Julai 2012 terdapat lebih daripada 71 badan-badan Islam seluruh dunia yang telah diiktiraf oleh JAKIM<sup>38</sup> kerana mempunyai persamaan daripada sudut garis panduan pensijilan halal Malaysia. Pensijilan oleh badan-badan Islam ini boleh memasuki pasaran Malaysia.

Pensijilan halal diberikan kepada pengeluar, pengilang produk, pengedar, penjual, pengeluar sub-kontrak, pembungkusan semula, premis makanan dan rumah sembelihan, termasuklah dapur hotel dan restoran yang dikategorikan sebagai premis makanan.<sup>39</sup> Pemohon yang layak untuk memenuhi keperluan pensijilan halal perlulah mengisi setiap maklumat dalam borang yang disediakan dengan lengkap dan terperinci. Permohonan yang diproses akan dikenakan caj perkhidmatan berdasarkan premis, industri dan rumah sembelihan untuk kos kajian dan ujian makmal bagi produk yang berkaitan.<sup>40</sup>

Dalam hal pensijilan halal, kebersihan peralatan, pengangkutan, kawasan pengeluaran dan persekitaran amat dititikberatkan dan syarikat-syarikat hendaklah mengamalkan amalan pengilangan yang baik seperti yang tertakluk dalam *Malaysian Standard MS 1514:2009 Good Manufacturing Practice (GMP)*.<sup>41</sup> Selain itu, pekerja-pekerja hendaklah mengamalkan kod etika pekerja dan amalan kesihatan yang baik (*Good Hygiene Practices GHP*).<sup>42</sup> Sekiranya pihak syarikat mempunyai pensijilan lain seperti HACCP, GMP, GHP, TQM, MS ISO dan sebagainya, sijil tersebut perlu dilampirkan bersama dalam permohonan untuk memudahkan proses pengauditan.

---

<sup>36</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia* (Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2005), 6.

<sup>37</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia*, 6.

<sup>38</sup> ‘Senarai Badan Islam Yang Diiktiraf 2012’, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/senarai-badan-islam-yang-diiktiraf>, 19 September 2012.

<sup>39</sup> Halal Industry Development Corporation, *Buku Panduan Halal Panduan Untuk Pengeluar Makanan*, 19.

<sup>40</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia*, 10.

<sup>41</sup> ‘Malaysian Store in Tehran to Market Halal Goods, Services in Western Asia’, *News Straits Times*, 19 October 2010.

<sup>42</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia*, 13.



Semua pemilik sijil pengesahan halal Malaysia yang sah dibenarkan untuk menggunakan logo halal badan pensijilan Malaysia pada barangan atau premis. Syarat-syarat penggunaan sijil pengesahan halal dan logo halal hendaklah dipatuhi dan sebarang penyalahgunaan dan penyelewengan boleh diambil tindakan di bawah mana-mana undang-undang berkaitan halal seperti Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbendaharaan “Halal”) 1975 dan Akta Perihal Dagangan 1972.<sup>43</sup> Logo halal Malaysia yang digunakan oleh JAKIM dan JAIN telah didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1997<sup>44</sup> untuk memastikan logo halal Malaysia ini mendapat pengiktirafan bukan hanya di Malaysia tetapi diperakui dan diterima di serata dunia.<sup>45</sup>

## ISU DAN CABARAN BADAN PENSIJILAN HALAL DI MALAYSIA

Cabaran utama isu halal di Malaysia adalah dari sudut perundangan kerana Malaysia tidak mempunyai Akta Halal yang terpakai ke seluruh negara. Sehubungan dengan itu pihak kerajaan pada pembentangan bajet kewangan tahun 2010<sup>46</sup> mengumumkan penggubalan satu Akta Halal bagi tujuan penyelarasan dan pemantapan peruntukan undang-undang mengenai proses, prosedur serta kawalan pensijilan halal. Namun begitu sehingga ke hari ini akta berkenaan masih belum dibentangkan di Parlimen untuk dijadikan undang-undang. Masalah utama yang menghalang penggubalan akta ini ialah persoalan yang berkaitan dengan perlembagaan di mana persoalan halal adalah berkaitan dengan agama Islam, maka ianya terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh yang demikian penggubalan sesuatu undang-undang di peringkat persekutuan seperti Akta Halal ini yang menyentuh sesuatu di bawah bidang kuasa negeri akan menimbulkan isu perlembagaan. Tidak dapat dipastikan bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini, kerana untuk meminda perlembagaan bagi membolehkan penggubalan Akta Halal ini sudah tentu merupakan perkara yang agak sukar untuk dilakukan pada masa kini. Satu kesefahaman dan kompromi

---

<sup>43</sup> Telah diganti oleh Perintah Baru tahun 2011. Lihat [http://www.kpdnkk.gov.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=e5a962e3-ec1e-4ab0-a159-949b2b535b7d&groupId=10137](http://www.kpdnkk.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=e5a962e3-ec1e-4ab0-a159-949b2b535b7d&groupId=10137), 21 September 2012.

<sup>44</sup> Hakimah Mohd Yusoff, ‘Halal Certification Scheme’, *Standards & Quality News*, 11/4 (2004), 4.

<sup>45</sup> Halal Industry Development Corporation, *Buku Panduan Halal Panduan Untuk Pengeluar Makanan*, 18.

<sup>46</sup> ‘Akta Halal Digubal Giatkan Industri Halal’, *Utusan Malaysia*, 14 Oktober 2009.

yang tinggi antara negeri-negeri amatlah diperlukan jika semua pihak mahu melihat cadangan Akta Halal ini menjadi undang-undang yang berkuatkuasa.

Antara tujuan mengapa perlunya Akta Halal ini ialah untuk memberikan kuasa secara terus kepada pihak agensi kerajaan pusat seperti JAKIM yang selama ini merupakan badan yang mengendalikan persoalan pensijilan halal untuk memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang. Setakat ini kuasa untuk memantau dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan penggunaan logo halal terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pegawai JAKIM terlibat dalam penguatkuasaan melalui pelantikan yang dibuat oleh kementerian tersebut sebagai Penolong Pegawai Perihal Dagangan.<sup>47</sup> Melalui cadangan Akta Halal, pegawai JAKIM dijangka mempunyai bidang kuasa sendiri dan tidak perlu lagi bergantung kepada KPDNKK. Begitu cadangan Akta Halal akan dapat menyelaras perkara yang berkaitan halal yang kini berada di pelbagai kementerian dan agensi kerajaan seperti kementerian kesihatan, kementerian pertanian dan pihak kuasa tempatan. Memandangkan cadangan Akta Halal ini akan mengambil beberapa bidang kuasa yang ada di agensi-agensi berkenaan untuk diletakkan di JAKIM, sudah tentu akan terdapat beberapa cabaran yang agak sukar terutama dalam aspek yang berkaitan dengan perkara-perkara teknik. Perkara-perkara inilah yang menyebabkan cadangan Akta Halal sehingga kini masih belum menjadi kenyataan sungguhpun menteri yang berkenaan telah mewawarkan secara agresif bahawa ianya akan dibentangkan di Parlimen sejak dari tahun 2010 lagi.<sup>48</sup>

Oleh yang demikian cara yang paling praktikal dan kurang kontroversi ialah dengan membuat penambahbaikan kepada undang-undang yang mengawal logo dan sijil halal yang sedia ada. Bagi memperkemas penguatkuasaan penggunaan logo dan sijil halal, Parlimen memansuhkan Akta Perihal Dagangan 1972 (Akta 87) dan diganti dengan undang-undang baru iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730). Melalui Seksyen 28 dan 29 di bawah Akta 730 ini, tiga perintah telah diwujudkan iaitu Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011(P.U.(A) 431), Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 (P.U.(A) 430) dan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011(P.U.(A) 432). Perintah-perintah baru ini mengantikan perintah yang lama iaitu Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbendaharaan “Halal”) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975.

---

<sup>47</sup> ‘Perkasakan Sijil Halal’, *Harian Metro*, 30 Disember 2011.

<sup>48</sup> ‘Akta Halal Dikuatkuasa Tahun Hadapan’, *Utusan Malaysia*, 27 Februari 2010 ; ‘Kuasa JAKIM diperluas’, *Harian Metro*, 26 April 2011.

Antara pembaharuan penting undang-undang baru ialah seperti di dalam perenggan 3 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang menyatakan tentang pihak berkuasa berwibawa yang boleh memperakukan perkara halal iaitu: “Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri masing-masing hendaklah menjadi pihak berkuasa berwibawa untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011”.

Dalam perintah ini telah jelas memperuntukkan hanya JAKIM dan MAIN sahaja yang boleh memperakukan halal. Manakala badan-badan swasta yang mana sebelum ini telah mengeluarkan perakuan halal tidak boleh lagi mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal. Pelanggaran peruntukan ini oleh mana-mana pihak boleh dianggap telah melakukan kesalahan di bawah perenggan 8(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan boleh didakwa di bawah perenggan yang sama. Perintah ini juga memperuntukkan hanya logo keluaran JAKIM dan MAIN berdasarkan kepada jadual pertama Perihal dibenarkan untuk digunakan. Namun begitu logo halal daripada badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM boleh berada dalam pasaran Malaysia. Memandangkan jumlah badan halal luar negara yang diiktiraf JAKIM adalah sebanyak 71 buah badan ini bermakna akan terdapat pelbagai logo yang berbeza-beza dalam pasaran yang mungkin mengelirukan pengguna. Peruntukan baru yang dibuat ini adalah sebagai satu langkah untuk memenuhi keperluan kepada kekurangan peruntukan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan “Halal”) 1975 yang tidak memperuntukkan tentang pihak berkuasa yang berwibawa dalam memperakukan perkara halal dalam melaksanakan pengeluaran pensijilan halal di Malaysia. Perintah ini mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012, namun badan perniagaan diberi masa selama enam bulan untuk membuat permohonan menukar kepada logo halal yang baru.<sup>49</sup>

Pada masa lalu terdapat kekeliruan di kalangan pengguna akibat daripada kelonggaran undang-undang dari segi pengeluaran logo halal ini. Ini adalah kerana pihak pengusaha bebas meletakkan tanda halal mereka sendiri selagi mana tidak melanggar apa-apa peruntukan undang-undang terutama yang berkaitan dengan pemalsuan perihal dagangan mereka. Antara tanda halal yang sering digunakan di Malaysia ialah perkataan “halal” samada dalam bentuk tulisan jawi atau rumi selalunya dalam warna hijau. Perkataan-perkataan lain yang menunjukkan keislaman dan seterusnya memberi indikasi halal juga digunakan seperti “Buffet Ramadan” di hotel-hotel atau restoran sepanjang

---

<sup>49</sup> ‘Denda RM5 Juta Mulai 1 Julai Jika Ingkar’, *Berita Harian*, 1 Mac 2012.

Ramadan, ayat-ayat Quran seperti ayat Seribu Dinar, Surah Yasin, empat *Qul*, *Bismillāh*, tulisan khat dan juga apa-apa yang menunjukkan bahawa orang Islam boleh memakan produk apa-apa makanan yang disediakan di premis tersebut. Ini termasuk juga ilustrasi berunsur Islam seperti gambar Kaabah, gambar ulama seperti Tok Kenali dan Wali Songo serta sejadah sembahyang. Dalam hal ini pihak pengusaha boleh meletakkan label halal sekiranya produk makanan yang dikeluarkan adalah halal. Undang-undang lama akan hanya boleh dikuatkuasakan apabila boleh dibuktikan bahawa pengusaha berkenaan menyalahgunakan tanda halal yang dipamerkannya. Nampaknya melalui undang-undang dan perintah yang baru ini masalah kepelbagaian logo yang boleh mengelirukan ini nampaknya akan dapat diatasi. Namun begitu melalui siaran-siaran akhbar didapati banyak badan perniagaan yang masih enggan menggunakan logo halal sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah 2011 di atas.<sup>50</sup>

Kecenderungan untuk menjadikan JAKIM serta JAIN sebagai badan tunggal yang berautoriti mengeluarkan sijil halal dengan mengambil contoh dari beberapa buah negara terutama Singapura. Sebagaimana yang dimaklumi pengeluaran pensijilan halal di Singapura hanya dilakukan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Badan lain tidak dibenarkan mengeluarkan sijil halal. Polisi sedemikian adalah sesuai di Singapura memandangkan peratusan jumlah penduduk Islam hanya kecil iaitu hanya 15 peratus<sup>51</sup> daripada keseluruhan penduduknya yang berjumlah seramai empat juta serta ditambah pula keluasan negara yang kecil. Keadaan ini mungkin tidak sama di Malaysia di mana jumlah rakyat yang beragama Islam adalah seramai 61 peratus (iaitu seramai 17.4 juta) daripada 28.3 juta jumlah penduduk dalam negara.<sup>52</sup> Ini ditambah lagi dengan jumlah pekerja asing yang beragama Islam, penuntut universiti luar negara serta pelancong-pelancong dari Timur Tengah yang meningkat setiap tahun. Keadaan ini akan menyebabkan pihak JAKIM dan JAIN tidak akan dapat menampung permintaan untuk pengeluaran sijil halal di Malaysia. Bagi mengelakkan keadaan ini, badan swasta diperlukan untuk mengurangkan beban JAKIM dan JAIN. Hal ini juga dapat mengembangkan pasaran halal dengan lebih cepat kerana badan pensijilan halal seperti JAKIM, JAIN dan badan swasta dapat memberikan galakan, sokongan dan motivasi kepada

---

<sup>50</sup> 'Banyak Restoran Ingkar Arahan Logo Halal Diiktiraf JAKIM', *Berita Harian*, 17 Februari 2012 ; 'Tidak Wajib Mohon Sijil Logo Halal', *Berita Harian*, 3 Julai 2012.

<sup>51</sup> Islamic Population Info, [http://www.islamicpopulation.com/asia/asia\\_islam.htm](http://www.islamicpopulation.com/asia/asia_islam.htm), 23 Februari 2011.

<sup>52</sup> Department of Statistic Malaysia, *Population Distribution and Basic Demographic Characteristics 2010*.

pihak industri dengan lebih cepat dan berkesan. Perkara ini boleh dicontohi daripada negara Australia dan China yang mempunyai lebih daripada sebuah badan pensijilan halal yang diiktiraf oleh JAKIM.

Bentuk pengiktirafan kepada badan swasta sebenarnya pernah diamalkan oleh pihak JAKIM. Sebagai contoh pada 30 September 1998, JAKIM telah memberikan tugas pensijilan halal kepada sebuah badan swasta iaitu Syarikat Ilham Daya. Namun, atas desakan tertentu JAKIM telah mengambil kembali tugas tersebut dari syarikat berkenaan pada 1 September 2002. Manakala pada 2 April 2008, JAKIM sekali lagi telah memberi tugas melaksanakan proses pensijilan halal kepada *Halal Industry Development Corporation HDC*, namun tidak sampai setahun, iaitu pada 8 Julai 2009 JAKIM telah mengambil kembali tugas ini. Jelas di sini bahawa, biarpun JAKIM mengambil kembali tugas ini, penyerahan kuasa pada awalnya secara tidak langsung membuktikan bahawa JAKIM menaruh kepercayaan kepada syarikat swasta untuk melaksanakan tugas pengeluaran sijil halal di Malaysia.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, JAKIM juga telah mengiktiraf 71 badan pensijilan halal dunia yang mana badan-badan halal ini mempunyai garis panduan yang hampir sama digunakan oleh pihak JAKIM dalam mengeluarkan sijil halal. Oleh yang demikian adalah wajar untuk JAKIM mengiktiraf syarikat swasta sebagai badan pengeluar sijil pengesahan halal dengan bantuan kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa badan swasta mematuhi pelaksanaan audit halal yang sepatutnya. Dalam hal ini penulis melihat pemeraksanaan undang-undang dengan meletakkan pihak yang kompeten melaksanakan pengeluaran sijil halal adalah wajar. Walau bagaimanapun, pemantauan yang wajar dan berkesan daripada pihak yang bertanggungjawab adalah perlu. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) juga perlu memainkan peranan yang sebenar untuk memastikan segala perihal dagangan halal samada digunakan oleh pihak industri atau dikeluarkan oleh badan pensijilan halal di Malaysia perlu mematuhi segala undang-undang yang telah disediakan. Dari segi praktik perkara ini agak mudah dilakukan iaitu dengan menambah senarai logo dan sijil halal yang diperakui di Jadual Pertama Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

## **KESIMPULAN**

Perkembangan industri halal di Malaysia amat memberangsangkan dengan bantuan kerajaan dan badan-badan bertanggungjawab dalam menjadikan Malaysia sebagai hab halal global. Peranan ini turut dimainkan oleh badan pensijilan halal seperti JAKIM, MAIN dan badan-badan swasta yang terlibat

dengan industri halal. Berbeza dengan negara-negara lain, badan-badan pensijilan halal di Malaysia terutama JAKIM dan MAIN tidak menjadikan pemberian sijil halal sebagai suatu bentuk persaingan dalam perniagaan, tetapi hanya bertindak sebagai yang mengesahkan status halal sesuatu produk.<sup>53</sup> Ini adalah kerana sebagaimana yang ditunjukkan di atas tujuan utama pemberian sijil ini adalah untuk membantu pengguna mendapatkan produk yang halal, selamat dan berkualiti di samping mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa penyelewengan serta penipuan pihak yang tidak bertanggungjawab. Pensijilan halal di Malaysia bukan sahaja menekankan dari segi pematuhan hukum Syarak bahkan juga menggunakan standard serta piawai antarabangsa dari segi keselamatan dan kebersihan makanan dan produk yang disediakan. Ini bagi menjamin produk halal Malaysia benar-benar berkualiti dan bertaraf antarabangsa bagi tujuan eksport.

Bagi memperkemaskan dan menambah keyakinan pengguna Islam, aspek perundangan dan penguatkuasaan telah diperkemaskan dengan pengenalan undang-undang baru iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 serta perundangan subsidiari di bawahnya mengenai pensijilan dan logo halal. Undang-undang baru ini didapati cuba mengatasi masalah yang dihadapi pada masa lalu iaitu kewujudan kepelbagaian logo dan sijil halal yang boleh mengelirukan pengguna Islam dengan hanya mengiktiraf logo dan sijil yang dibenarkan oleh undang-undang serta menyediakan hukuman kepada mana-mana pihak yang cuba menawarkan perkhidmatan pensijilan halal tanpa kebenaran pihak berkuasa. Masih terlalu awal untuk menilai sejauh mana undang-undang baru ini berjaya mengatasi masalah ini, namun daripada pengamatan yang dibuat terdapat pihak-pihak yang masih menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf. Kajian lanjut perlu dijalankan untuk mengenalpasti apakah faktor atau sebab keengganan pihak berkenaan untuk mematuhi peruntukan undang-undang baru ini, sungguhpun amaran keras telah dibuat oleh pihak JAKIM untuk mengambil tindakan.

Perkara seterusnya yang masih belum selesai ialah cadangan pengenalan Akta Halal yang dikatakan lebih berkesan daripada undang-undang yang ada sekarang bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan. Sesuatu yang boleh dipersoalkan ialah pengumuman Akta Halal ini dibuat setahun sebelum pengenalan Akta Perihal Dagangan 2011 yang turut memuatkan dua Perintah yang berkaitan pensijilan dan logo halal. Perkara ini seolah-olah menunjukkan terdapat beberapa halangan yang tidak dapat diselesaikan secara menyeluruh dan berkesan bagi memperkenalkan Akta Halal sehingga menyebabkan Akta

---

<sup>53</sup> Karijn Bonne *et al.*, 'Determinants of Halal Meat Consumption in France', *British Food Journal*, 109/5 (2007), 367-386.

Perihal Dagangan 2011 diperkenalkan terlebih dahulu. Jika diperhatikan dari segi fungsi dan peranan undang-undang yang baru ini terutama perintah yang dibuat di bawahnya banyak persamaan dengan cadangan Akta Halal. Oleh yang demikian tidak dapat dipastikan apakah Akta Halal ini akan terus menjadi agenda utama pihak JAKIM bagi tujuan memperkasakan peranannya sebagai agensi utama dalam pensijilan dan logo halal di Malaysia kerana terdapatnya halangan dan cabaran yang sulit untuk menjadikannya sebagai undang-undang.

## RUJUKAN

- ‘Ahmad H. Sakr, *A Muslim Guide to Food Ingredients* (Lombard, Illinois: Foundation For Islamic Knowledge, 1997).
- Ahmad Robin Wahab, *Guidelines For The Preparation of Halal Food and Goods for The Muslim Consumers* (Kuala Lumpur: AmalMerge (M) Sdn. Bhd., 2004).
- ‘Akta Halal Digubal Giatkan Industri Halal’, *Utusan Malaysia*, 14 Oktober 2009.
- ‘Akta Halal Dikuatkuasa Tahun Hadapan’, *Utusan Malaysia*, 27 Februari 2010.
- Azah Anir Norman, Mohd Hairul Nizam Md. Nasir, Shukur Sanim Mohd Fauzi & Masliyana Azmi, ‘Consumer Acceptance of RFID-Enabled Services in Validating Halal Status’, unpublished paper presented at the 9th International Symposium on Communications and Information Technology 2009, ISCIT, 2009.
- ‘Banyak Restoran Ingkar Arahan Logo Halal Diiktiraf JAKIM’, *Berita Harian*, 17 Februari 2012.
- Chandrika Murugaiah *et al.*, ‘Meat Species Identification and Halal Authentication Analysis Using Mitochondrial DNA’, *Meat Science*, 83 (2009): 57-61.
- ‘Denda RM5 Juta Mulai 1 Julai Jika Ingkar’, *Berita Harian*, 1 Mac 2012.
- Department of Statistic Malaysia, *Population Dustribution and Basic Demographic Characteristics 2010*.
- ‘Hab Halal Tanjung Manis’, *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2009.
- ‘Hab Pengedaran Halal Labuan’, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2009.
- Hakimah Mohd Yusoff, ‘Halal Certification Scheme’, *Standards & Quality News*, 11/4 (2004).



- ‘Halal Food Authority’, <http://www.halalfoodauthority.co.uk/halal-WHC.html>, 25 Februari 2010.
- Halal Industry Development Corporation, *Buku Panduan Halal Panduan Untuk Pengeluar Makanan* (Selangor: HDC, 2010).
- Halal JAKIM, <http://www.halal.gov.my/v2/>, 25 Februari 2011.
- ‘Hanya 2 Logo Halal Yang Diiktiraf’, *Utusan Malaysia*, 18 Februari 2011.
- Hayati @ Habibah Abdul Talib, Khairul Anuar Mohd Ali & Khairur Rijal Jamaludin, ‘Quality Assurance in Halal Food Manufacturing in Malaysia: A Preliminary Study’, *Proceedings of International Conference on Mechanical & Manufacturing Engineering (ICME2008)*, 21– 23 May 2008.
- Islamic Population Info, [http://www.islamicpopulation.com/asia/asia\\_islam.htm](http://www.islamicpopulation.com/asia/asia_islam.htm), 23 Februari 2011.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia* (Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2005).
- Johan Fisher, ‘Religion, Science and Market-Modern Halal Production, Trade and Consumption’, *EMBO REPORTS*, 9/9 (2008): 828-831.
- Jumaatun Azmi (ed.), ‘Winds of Change: Food Market Trend and the Muslim Market of Europe’, *The Halal Journal*, (2009).
- Karijin Bonne & Wim Verbeke, ‘Religious Values Informing Halal Meat Production and The Control and Delivery of Halal Credence Quality’, *Agriculture and Human Values*, 25/1 (2008).
- Karijin Bonne & Wim Verbeke, ‘Muslim Consumer Trust in Halal Meat Status and Control in Belgium’, *Meat Science*, 79/1 (2008); 113-123.
- Karijin Bonne *et al.*, ‘Determinants of Halal Meat Consumption in France’, *British Food Journal*, 109/4-9 (2007); 367-386.
- KPDNKK, [http://www.kpdnkk.gov.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=e5a962e3-ec1e-4ab0-a159-949b2b535b7d&groupId=10137](http://www.kpdnkk.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=e5a962e3-ec1e-4ab0-a159-949b2b535b7d&groupId=10137), 21 September 2012.
- ‘Kuasa JAKIM diperluas’, *Harian Metro*, 26 April 2011.
- Lokman Ab. Rahman, *Isu Halal Tiada Penghujung* (Melaka: Alambaca Sdn. Bhd., 2009), 106.
- Malaysian Store in Tehran to Market Halal Goods, Services in Western Asia’, *News Straits Times*, 19 October 2010.
- ‘MIHAP Holding, NIML Materai Hab Halal’, *Utusan Malaysia*, 12 Disember 2007.

- Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaundry, *Halal Food Production* (New York: CRC Press, 2004).
- Mian Riaz, 'Halal Food Production for The Cereal Industry and The Halal Certification Process', *Cereal Foods World*, 52/4 (2001): 192-195.
- MOSTI, *Standards & Accreditation News*, 23 (2009).
- Muhammad Munir Chaundry *et al.*, *Halal Industrial Production Standards* (Illinois: J&M Food Products Company Illinois, 2000).
- Noraini Idris, 'Industri Pemprosesan Makanan di Malaysia', *Malaysia ke Arah Hab Makanan Halal Dunia* (eds. Noraini Idris *et al.* ; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- 'Not Compulsory to Apply for Halal Cert and Logo', *New Straits Times*, 3 July 2012.
- 'Perkasakan Sijil Halal', *Harian Metro*, 30 Disember 2011.
- Puziah Hashim *et al.*, 'A Cosmetic Analysis in Compliance With The Legislative Requirement, Halal and Quality Control', *Malaysian Journal of Chemistry*, 11 (2009): 81- 87.
- 'Senarai Badan Islam Yang Diiktiraf 2012', <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/senarai-badan-islam-yang-diiktiraf>, 19 September 2012.
- 'Syarikat Industri Halal Dipelawa ke Serkam', *Utusan Malaysia*, 20 Mei 2009.
- Tahire O. Kocturk, 'Food Rules in the Koran', *Scandinavian Journal of Nutrition*, 46/3 (2002).
- Temubual bersama Mohd Amri Abdullah, Penolong Pengarah Hab Halal JAKIM, 13 Ogos 2010.
- 'Tidak Wajib Mohon Sijil Logo Halal', *Berita Harian*, 3 Julai 2012.
- Wan Melissa Wan Hassan & Khairil Wahidin Awang, 'Conceptualizations on The Dimensions for Halal Orientation for Food Manufacturers: A Study in the Context of Malaysia', *Int. Journal of Economics and Management*, 3/2 (2009).
- William D. Perreault, Jr. & E. Jerome McCarthy, *Basic Marketing: A Global-Managerial Approach* (New York: McGraw-Hill, 2005).
- Y.B. Che Man, A.A. Aida, A.R. Raha & R. Son, 'Identification of Pork Derivatives in Food Products by Species-Specific Polymerase Chain Reaction (PCR) for Halal Verification', *Food Control*, 18/7 (2007): 885-889.

- Yūsuf al-Qarāḍawī, *The Lawful and The Prohibited in Islam*. (terj. Kamal El-Helbawy, M. Moinuddin Siddiqui, Syed Shukry; Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 1995).
- Zalina Zakaria, 'Tapping Into The World Halal Market: Some Discussions on Malaysia Laws and Standards', *Shariah Journal*, 16 (2008).
- Zulzaidi Mahmod, 'Halal Product Marketing in Malaysia: Study on The Essential of Halal Certification', Kertas Kerja Seminar International Conference on Marketing 2010 (ICMAR), 23-24 Jun 2010.
- Zunirah Talib, Suhaiza Zailani & Yusserie Zainuddin, 'Conceptualizations on the Dimensions for Halal Orientation for Food Manufacturers: A Study in the Context of Malaysia', *Pakistan Journal of Social Science*, 7/2 (2010).